

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Terbitan Sukuk SRI Air Selangor Catat Rekod RM1.2 Bilion

KUALA LUMPUR, Isnin, [19 Ogos 2024]: Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) mengumumkan kejayaan menerbitkan SRI Sukuk Kelestarian Air Selangor (SRI KAS) tranche ke-6 dan terbesarnya bernilai RM1.2 bilion. Terbitan ini merangkumi empat (4) siri dengan tempoh dari sepuluh (10) ke dua puluh lima (25) tahun menandakan lengkapnya terbitan terkini ke-7 Air Selangor di bawah Program Sukuk Murabahah RM10.0 bilion.

Minat luar biasa dilihat daripada permulaan pengumuman terbitan tersebut sehingga mencatatkan lebihan langganan ketara sebanyak 4.95 kali ganda semasa buku ditutup.

"Kami sangat gembira dengan hasil dan sokongan padu pelabur seperti yang ditunjukkan dalam lebihan langganan luar biasa sebanyak 4.95 kali ganda. Ia adalah bukti keyakinan berterusan pelabur terhadap kredit dan pengiktirafan Air Selangor serta sokongan mereka terhadap agenda kemampanan kami. Hasil daripada terbitan itu akan membolehkan kami selari dengan aspirasi Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan seterusnya mengukuhkan pelaburan dalam peningkatan margin rizab air, mengurangkan air bukan hasil dan memastikan operasi infrastruktur air kami yang berterusan, lebih cekap dan hijau," kata Adam Saffian Ghazali, Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor.

Disokong oleh permintaan kukuh yang diagregatkan kepada jumlah signifikan RM5.9 bilion, tawaran itu meningkat sebanyak 20% daripada RM1.0 bilion kepada RM1.2 bilion. Sokongan luar biasa ini telah menjadikan SRI KAS ke-6 Air Selangor sebagai piawaian baharu untuk terbitan Sukuk AAA. Hasil daripada SRI KAS ini akan digunakan untuk membiayai projek yang layak selaras dengan keutamaan Matlamat Pembangunan Mampan Air Selangor dan Rangka Kerja Sukuk Kelestarian Pembangunan Mampannya. Projek-projek ini termasuk inisiatif bekalan air lestari dan pelbagai projek pengurusan air lestari termasuk inisiatif tenaga boleh diperbaharui yang mengukuhkan komitmen Air Selangor untuk memastikan Kelestarian sistem bekalan air untuk generasi akan datang.

Program Sukuk Murabahah di mana SRI KAS dikeluarkan telah mengesahkan penarafan jangka pendek AAA masing-masing dengan prospek stabil dan P1 oleh RAM Rating Services Sdn Bhd pada 11 September 2023.

Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) merupakan Penasihat Utama, Penyusun Utama dan Penasihat Syariah bagi Program Sukuk Murabahah. Bank Islam dan CIMB Investment Bank Berhad adalah Pengurus Utama Bersama bagi terbitan SRI KAS Air Selangor dan memainkan peranan penting dalam kejayaannya.

MENGENAI AIR SELANGOR

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) merupakan penyedia perkhidmatan air terbesar di Malaysia, menyediakan bekalan air terawat yang bersih dan selamat kepada lebih 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sehingga kini, Air Selangor mengendalikan 34 loji rawatan air yang terletak di 10 wilayah dan mempunyai lebih 5,000 pekerja yang berpengalaman luas dalam pelbagai bidang dalam industri. Berpegang teguh kepada misi dan visinya, Air Selangor berhasrat memberikan pengalaman terbaik untuk pelanggan serta menjadi penyedia perkhidmatan air terkemuka di Asia pada tahun 2030.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Tentang CIMB

CIMB Group merupakan sebuah institusi perbankan ASEAN yang terkemuka dan penyedia perkhidmatan kewangan kedua terbesar di Malaysia, mengikut aset. Disenaraikan di Bursa Malaysia melalui CIMB Group Holdings Berhad, CIMB mempunyai permodalan pasaran sekitar RM70.8 bilion setakat 31 Mac 2024.

CIMB menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan pengguna, perbankan komersial, perbankan borong, perbankan transaksi, perbankan Islam dan pengurusan aset. Berpusat di Kuala Lumpur, CIMB beroperasi di lapan negara ASEAN (Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Kemboja, Vietnam, Myanmar dan Filipina).

Di luar ASEAN, CIMB Group turut beroperasi di pasaran China, Hong Kong dan UK. CIMB mempunyai salah satu rangkaian cawangan perbankan yang terluas di ASEAN dengan 601 buah cawangan dan sekitar 34,000 orang pekerja setakat 31 Mac 2024. Unit perbankan pelaburan CIMB merupakan salah sebuah bank pelaburan terbesar yang berpusat di Asia Pasifik, yang beroperasi di 16 negara di seluruh Asia Pasifik.

CIMB juga memegang 92.5% saham di Bank CIMB Niaga, Indonesia dan 94.8% saham di CIMB Thai, Thailand.

Sekiranya anda mempunyai soalan atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi:

Anis Azharuddin / Kelvin Jude Muthu
Group Corporate Communications
CIMB Group Holdings Berhad
Emel: anis.azharuddin@cimb.com / kelvinjude.muthu@cimb.com